



SUARA CAT

PULAU PINANG

CAT之声
Edisi 2/2010
CAT குரல்

SUARA CAT mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak kepada semua umat Islam di Pulau Pinang



Berita Rakyat Pulau Pinang

Edisi Percuma

Menarik di dalam

KM : Cuma Lawan "LITTLE NAPOLEAN" ...
ms. 5

Laporan Khas : Roboh Gerai... ms. 8

Bayaran Urusan Jenazah RM1,000

Diedar Pada Bulan Ramadhan... ms. 11

Pemberian Kewangan Khas Raya...
ms. 21

Versi Bahasa Tamil
ms. 18-20



Versi Bahasa Inggeris
ms. 22-24



Versi Bahasa Cina
ms. 25-32



KOMITMEN tinggi 'wira-wira MPPP' membersihkan longkang di sekitar bandar George Town.

KETUA MENTERI MENJAWAB



NASIB 200 PENDUDUK KAMPUNG JALAN POKOK ASAM, JELUTONG TERUS DIBELA KERAJAAN NEGERI

Selain mencari jalan penyelesaian yang menang-menang kepada kedua-dua pihak, perbincangan tersebut juga bertujuan membantu para penduduk memperoleh jumlah pampasan setimpal dan bukannya RM10,000 (selepas kalah dalam perbicaraan) yang ditawarkan pihak pemaju kini.


LAGI LAPORAN DI MUKA SURAT 5



WIRA Tidak disanjung



"Sudah 20 tahun kita keluar masuk longkang, cuma orang tak nampak sahaja"



"Kita buat ini dengan ikhlas dan ingin lakukan yang terbaik supaya rakyat tidak susah masa banjir nanti. Kalau rakyat susah hati, kita pun jadi susah hati. Jadi kita rela, sebab kita tahu bahwa Allah akan jaga kita nanti," kata Md. Sarajudin Mydin Pitchay, 56, mengenai tugasnya sebagai Pekerja Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Apabila ditanya sama ada beliau takut untuk 'terjun' ke dalam longkang beris air hitam dan menggunakan kedua-dua belah tangan untuk membersihkan sampah-sarap yang terperangkap, beliau menjelaskan bahawa nyawa adalah di tangan Tuhan, yang penting kita perlu hidup berbakti kepada masyarakat.

"Semua kerja dilakukan dengan ikhlas. Kita mahu buat yang terbaik bagi kesenangan semua. Walaupun kita selalu buat kerja di dalam longkang, tangan saya dan juga rakan-rakan yang lain masih cantik kerana menggunakan sabun yang dibekalkan oleh pihak hospital," kata Md. Sarajudin sambil menunjukkan kedua-dua belah tangannya kepada SUARA CAT di sini baru-baru ini.

Md. Sarajudin yang telah berkhidmat selama 28 tahun dan dikurniakan enam

cahaya mata menambah bahawa sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau tidak pernah mengalami masalah kesihatan termasuk penyakit kulit. Sebagai tambahan, MPPP turut membekalkan perkhidmatan kesihatan percuma kepada beliau dan rakan-rakannya yang lain.

Dalam pada itu, bagi Pembantu Kesihatan Awam Kanan MPPP, Arul Selvan, 50, menyatakan bahawa, semenjak berada di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR), para pekerja awam MPPP berasa lebih dihargai ekoran sikap pemimpin serta penyelia yang sanggup turun padang untuk bersama para kakitangan menyelami bidang kerja diamanahkan.

"Bukan sekadar Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Geh Thuan Tek, malah kesanggupan Yang Berhormat (YB), Yang Dipertua (YDP) dan pucuk kepimpinan lain yang sudi meninjau bidang tugas pekerja-pekerja awam MPPP telah menyentik semangat motivasi mereka untuk berkhidmat serta bekerja dengan lebih keras.

"Pada dasarnya, tiada mana-mana pihak yang memaksakan mereka turun dan berendam di dalam air longkang yang kotor, namun, ekoran komitmen yang tinggi, mereka lakukannya dengan rela hati demi seluruh rakyat Pulau Pinang," jelas Arul.

BERITA DI MUKA SURAT 2

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DAFTARLAH SEKARANG DENGAN PEJABAT ADUN PR

N1 Penaga : 012 - 458 6623 - Azemi Bin Bakar
N2 Bertam : 019 - 560 5755 - Abdul Latif Abdullah
N3 Pinang Tunggal : 019 - 418 1666 - Zaini Bin Awang
N4 Permatang Berangan : 019 - 510 2633 - Arsyad Md. Salleh
N5 Sungai Dua : 019 - 477 6740 - Md. Fahmi Abd. Wahab
N6 Telok Air Tawar : 010 - 379 7729 - Hasrul Bin Husin
N7 Sungai Puyu : 012 - 528 8411 - Ng Ya Ling
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366 - Yeap Choon Keong
N9 Bagan Dalam : 017 - 446 9688 - Victor
N10 Seberang Jaya : 013 - 423 0389 - Fathilulail H. A. Bin Jaafar Sidek
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442 - Kamal

N12 Penanti	: 04 - 522 1463 - Suhaiim Bin Mansor	N27 Pengkalan Kota	: 012 - 437 1522 - Wang Lai Kin
N13 Berapit	: 019 - 481 7823 - Ong Kee Seong	N28 KOMTAR	: 012 - 412 6284 - Adreena
N14 Machang Bubuk	: 019 - 546 3257 - Rynu	N29 Datok Keramat	: 012 - 410 6566 - A. T. Ong
N15 Padang Lalang	: 04 - 502 5071 - Ooi Zhen Chee	N30 Sungai Pinang	: 010 - 464 3308 - Anna
N16 Perai	: 016 - 438 4767 - Satees Muniandy	N31 Batu Lancang	: 012 - 480 3885 - Ooi Soo Chuan
N17 Bukit Tengah	: 016 - 461 5343 - Amizuddin	N32 Seri Delima	: 012 - 486 2552 - Mr. Lingam
N18 Bukit Tambun	: 016 - 442 0820 - Ong Eu Leong	N33 Air Itam	: 012 - 493 3648 - Teh Choong Kong
N19 Jawi	: 017 - 408 4784 - Abdul Halim Yunus	N34 Paya Terubong	: 012 - 484 1963 - Toon Hoon Lee
N20 Sungai Bakap	: 012 - 415 2905 - Munir Bin Makhtar	N35 Batu Uban	: 017 - 415 4872 - Tahir
N21 Sungai Acheh	: 012 - 441 4491 - Md Arof Bin Yahya	N36 Pantai Jerejak	: 019 - 443 2088 - Victor
N22 Tanjung Bungah	: 012 - 232 6101 - Carol	N37 Batu Maung	: 013 - 510 1968 - Latifah
N23 Air Putih	: 04 - 829 0624 - Chiam Heng Hock	N38 Bayan Lepas	: 013 - 492 9547 - Kamaruddin Mohamed
N24 Kebun Bunga	: 04 - 829 3691 - Nancy Lim	N39 Pulau Betong	: 016 - 400 6462 - Halil Sabri Hamid
N25 Pulau Tikus	: 012 - 488 3227 - Joe	N40 Telok Bahang	: 012 - 424 9004 - Mohamad Syawal Bin Ahmed
N26 Padang Kota	: 012 - 431 7015 - Johnny Chee		

Wira tidak disanjung

A. Gopal Krishnan, 52, yang telah menabur khidmat selama 22 tahun menjelaskan bahawa, tidak dinafikan, ramai pihak yang memandang rendah pekerjaan yang dilakukannya.



'WIRA-wira MPPP' dikelilingi sekumpulan wartawan dan jurugambar sejurus selepas mereka menerima Pingat Bakti Setia (PBS) sempena sambutan hari jadi Yang Di-Pertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas yang ke-72 di sini baru-baru ini.

"Orang memandang rendah akan pekerjaan saya, namun, apa yang dilakukan oleh saya adalah halal dan pekerjaan inilah yang telah membolehkan keempat-empat anak saya mencapai prestasi cemerlang di sekolah masing-masing."

"Saya seronok kerja macam ni. Bagaimanapun, masyarakat umum perlu mengubah sikap supaya tidak membuang sampah ke dalam longkang yang mana ia akan memberi impak negatif kepada semua," ujarnya.

Bagi P. Shunmugam, 54,



tak takut! Tikus lari atas kepala, kena hambat dengan biawak, semua pun ada!"

Syed Mahamood Makdoon, 53. Telah berkhidmat selama 28 tahun dan dikurniakan tiga cahaya mata. Sepanjang pengalamannya, beliau pernah menemui mayat seorang wanita di dalam longkang beberapa tahun sebelum ini.

"Dulu masa BN, mereka tak ambil tau atau tindakan. Sekarang masa PR, mereka juga kita, kalau 'overseer' kita panggil kita buat apa, kita pun buat lah."

mengapa kelengkapan moden dan selamat tidak dibeli supaya mereka tidak perlu menjalankan kerja kotor sedemikian. Jawapan yang diterima adalah mengejutkan iaitu atas permintaan mereka sendiri demi dapat menjalankan kerja dengan efektif kerana mesin tidak berkesan langsung.

"Malah mereka tidak berpuashati dengan mana-mana pihak yang menyalahkan MPPP tidak membekalkan kelengkapan moden kerana ini adalah hasrat mereka. Ini tunjukkan komitmen tinggi mereka dan saya harap pemberita boleh sahah perkara ini dengan mereka."

"Kerja ini bukan remeh, sebaliknya, ia memerlukan satu pengorbanan yang tinggi! Justeru, sebagai Kerajaan PR berjiwa rakyat, adalah menjadi komitmen Kerajaan Negeri untuk dengar suara rakyat, buat kerja rakyat dan beri harapan kepada rakyat tanpa mengira kaum, agama, jantina dan latar belakang."

Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia :

- Menjalankan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik bermula Julai 2009. Kerajaan Negeri melancarkan kempen mensyaratkan di dalam lesen perniagaan bahawa semua pasar raya besar dan pasar raya perlu menjalankan kempen tanpa beg plastik selama 3 hari seminggu dan untuk kedai tunggal sehari seminggu.
- Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan untuk tidak menggunakan bekas makanan plastik dan polisterin bagi majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri. Pelaksanaan larangan penggunaan polisterin oleh penjaja-penjaja bakal dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan galakan

yang pernah menjalani pembedahan jantung menyatakan bahawa, beliau lebih berminat melakukan kerja-kerja mencuci longkang berbanding menyupu di jalanan ekoran cabaran berhubung bidang tugas berkenaan.

"Saya suka buat kerja longkang sebab itu kerja kuat. Sagu jalan boring. Kita mau lawan sama ini jantung. Jadi saya mau buat kerja longkang lagi," kata Shunmugam yang turut menjelaskan bahawa tugasnya bermula seawal 6.30 pagi dan beliau telah berkhidmat selama 28 tahun.

Mohd. Noor Abu Bakar, 56. Telah berkhidmat selama 30 tahun dan dikurniakan empat cahaya mata.

"Takut apa?

Bila kerja, apa pun tak takut! Tikus lari atas kepala, kena hambat dengan biawak, semua pun ada!"



SUARA CAT DILANCAR



LIM GUAN ENG (duduk, dua dari kanan) sambil ditemani Dr. P. Ramasamy (duduk, kanan sekali), Mansor Othman (duduk, dua dari kiri) dan Chow Kon Yeow (duduk, kiri sekali) memerhatikan naskah SUARA CAT. Turut hadir adalah para editor SUARA CAT pada majlis pelancaran di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Bagi memantapkan penyebaran maklumat berhubung pengimplementasian polisi dan dasar kerajaan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas untuk menerbitkan buletin SUARA CAT pada tempoh setiap dua bulan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penerbitan ini adalah bertujuan memaklumkan dasar-dasar, polisi dan program-program semasa Kerajaan Negeri kepada

seluruh rakyat Pulau Pinang.

"Contohnya, hasil dari urus tadbir Kerajaan Pakatan Rakyat berdasarkan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), kita mampu memberi RM100 kepada setiap warga emas berusia 60 dan ke atas melalui Program Penghargaan Warga Emas sebagaimana yang dipaparkan di dalam keluaran edisi pertama SUARA CAT ini," katanya pada sidang akbar pengumuman penerbitan SUARA CAT di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengurus Jawatankuasa. Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow.

Sementara itu, SUARA CAT akan diedarkan di seluruh negeri Pulau Pinang. Pada masa sama, naskah SUARA CAT juga boleh diperoleh di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing.

Selain mengetengahkan dasar, polisi dan program Kerajaan Negeri, SUARA CAT turut memberi peluang kepada anggota masyarakat untuk memberi maklum balas melalui ruangan disediakan. **Semua maklum balas boleh dihantar ke Editor SUARA CAT, Tingkat 28, Komtar, 10503 Pulau Pinang atau emel, suaracat@gmail.com.**

APA KATA MEREKA :

SUARA CAT merupakan salah satu cara untuk mengurangkan manipulasi media yang didominasi BN. Pada masa sama, SUARA

CAT mampu memberi alternatif sampaikan berhubung penyaluran maklumat dasar dan program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

Aaron Ngui, 27, Pensyarah

Sesuatu yang baru! Pendekatan memasukkan empat bahasa di dalam satu 'suratkhabar' memperlihatkan bahawa Kerajaan PR sentiasa memperjuangkan kepentingan rakyat tanpa mengira latar belakang, jantina dan etnik. Pada masa sama, penekanan yang diberikan adalah lebih berasaskan kepada maklum balas rakyat dan bukan hanya menfokuskan kepada aktiviti YB dan agenda politik sebagaimana diperlakukan oleh media-media lain.

Noor Faizal Musa, 32, bermiaga

Menarik! SUARA CAT banyak menyelitkan gambar-gambar yang tidak membosankan para pembaca. Saya paling suka muka surat bahagian tengah yang memaparkan wajah-wajah serta kepelbagaiannya aktiviti rakyat Pulau Pinang. Sebagai tambahan, maklumat seperti pusat khidmat YB, nombor talian program saksama rakyat dan ruangan maklum balas membuka peluang untuk rakyat berinteraksi dengan pihak kerajaan.

K.Vijayarani, 53, penjaga tempat letak kereta.



JKKK DITAMBAH BAGI MENJAYAKAN DASAR KERAJAAN PR



LIM GUAN ENG (enam dari kiri) sambil ditemani barisan Exco-exco negeri dan JKKK baru menunjukkan buku Manual Gerak Kerja JKKK Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan di sini.

GEORGE TOWN - Bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan pembangunan di kelompok komuniti untuk membentuk masyarakat bersatu-padu yang mendukung dasar-dasar Kerajaan, Kerajaan Negeri telah meluluskan tambahan 142 kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) pada suku ketiga tahun 2010.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di dalam ucapannya berkata bahawa dengan pertambahan tersebut, ia telah menjadikan keseluruhan JKKK Pulau Pinang berjumlah 291 kawasan.

"Sebelum ini, iaitu terdapat 149 orang pengurus JKKK yang telah dilantik bagi penggal 2009/2010 bagi kelima-lima

daerah di Pulau Pinang.

"Bagi memenuhi permintaan masyarakat setempat dalam menyelesaikan permasalahan dan mendapatkan maklumat-maklumat penting serta terkini secara terus, telus, berkesan, cepat, cekap dan efisien, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah 291 kawasan JKKK baru. Ini bermakna jumlah kawasan JKKK kini mengikut kawasan adalah 57 orang bagi Daerah Timur Laut ; 18 (Barat Daya) ; 19 (Seberang Perai Utara) ; 33 (Seberang Perai Tengah) dan 15 (Seberang Perai Selatan)," katanya pada majlis Penyampaian Watikah Perlantikan JKKK Baru di Komtar di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Ketua

Minister II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan Exco negeri Pulau Pinang.

Turut dilancarkan pada majlis berkenaan adalah buku Manual Gerak Kerja JKKK Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran menyeluruh mengenai gerak kerja JKKK.

FUNGSI JKKK


1. Merancang dan melaksanakan pelantikan pembangunan di kelompok komuniti atau kawasan-kawasan perumahan ke arah mewujudkan persekitaran komuniti perumahan yang maju, menarik dan menguntungkan semua lapisan masyarakat.
2. Menguruskan kemajuan dan keselamatan di kelompok

komuniti masing-masing bagi membentuk masyarakat yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.

3. Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu melalui penyertaan aktif penduduk dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ke arah melahirkan masyarakat yang progresif dan mengamalkan nilai-nilai murni serta mendukung dasar-dasar dan harapan kerajaan.

STRUKTUR ORGANISASI JKKK

Sebuah JKKK hendaklah ditadbirkan berpadukan contoh carta organisasi seperti di bawah. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang dinyatakan boleh diubahsuai dan jika difikirkan perlu boleh ditubuhkan Jawatankuasa yang lain untuk melicinkan perjalanan.



BARISAN JKKK yang hadir pada majlis Penyampaian Watikah Perlantikan JKKK Baru di Komtar di sini baru-baru ini.



Perutusan Ramadhan Al-Mubarak oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Lim Guan Eng



Saya ingin berdoakan agar keberkatan dan kesucian bulan Ramadhan Al-Mubarak pada tahun 1431 Hijrah ini dapat dihalusi dan dinikmati semua berdasarkan perkongsian, pengorbanan dan sumbangan kepada masyarakat.

Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang akan terus berusaha mendirikan kerajaan berjiwa rakyat dengan berteraskan prinsip 3P - Perkayakan Rakyat, Perkuasakan Rakyat dan Perkasakan Rakyat dan urus tadbir kerajaan Cekap, Telus dan Akauntabel (CAT). Prinsip integriti dan kebenaran adalah penting dalam pentadbiran negara.

Kerajaan yang baik dan bersih akan dapat jimatkan wang untuk dikongsi bersama rakyat. Ini boleh dilihat buat pertama kalinya semua warga emas yang melebihi 60 tahun telah menerima RM 100 setiap tahun dan waris akan menerima buat pertama kalinya RM 1,000 untuk urusan jenazah. Di samping itu, Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang berjaya basmikan miskin tegar pada 2009.

Sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, saya memberi jaminan bahawa amalan CAT akan dilaksanakan tanpa pilih kasih bagi memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri diteruskan dengan tiga teras pembangunan ekonomi yang

digariskan iaitu merancakkan pertumbuhan ekonomi (pro-growth), mewujudkan peluang pekerjaan (pro-jobs) dan menjamin keadilan sosio-ekonomi (pro-poor).

Dibulanyang mulia ini juga, saya mengambil semangat Ramadhan Al-Mubarak yang penuh keberkatan ini untuk menyeru rakyat negeri Pulau Pinang agar mengelakkan fitnah walaupun mempunyai ideologi politik yang berbeza. Tindakan aibkan orang atau meniup sentimen perkauman berdasarkan pembohongan dan berita palsu memang kelaziman tidak sihat yang masih dimainkan. Contohnya dakwaan Perarakan Maulud diharamkan diulang-ulangi sungguhpun berjalan seperti dulu kala dan dengan lebih meriah. Ataupun demonstrasi ke atas dakwaan palsu Bazar Ramadan di Komtar diharamkan oleh si pengajur yang telah kutip wang sewa daripada peniaga tetapi tidak serahkannya kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Kerajaan negeri sedia menerima cabaran ini dengan tabah hati dan keyakinan serta anggapnya sebagai suatu ujian daripada Tuhan untuk melawan kemungkaran dan fitnah. Ini adalah kerana kerajaan negeri yakin orang Islam, dapat bezakan di antara benar dan salah, hak dan batil, antara maaf dan mungkar.

Akhirnya, marilah kita menjauhi segala laranganNya bagi mendapatkan puasa yang sempurna sejajar sabda Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang berpuasa kerana iman dan mengharap pahala, maka diampuni dosadosanya yang telah lalu".

Selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak, bulan rahmat yang penuh keberkatan.

**Amar Makhruf
Nahi Mungkar.**

LIM GUAN ENG



ARBIYAH Zakaria

CORETAN RAMADAN PULAU MUTIARA

Bulan Ramadhan pada tahun seperti tahun-tahun sebelum ini iaitu bakal disambut di dalam keadaan sederhana. Kemewahan dalam menyediakan juadah tidak penting, sebaliknya, hikmah dan keberkatan dalam menunaikan amanat yang dipertanggungjawabkan merupakan prinsip utama. Saat yang paling seronok adalah apabila ketiga-tiga anak saya yang berusia antara 18 hingga 10 tahun turut serta menunaikan kewajipan ini. Bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, kami sekeluarga akan menyambutnya di George Town.

Arbiyah Zakaria, 48, Pekerja am kantin sekolah




JALIAH Abd. Rahim

Walaupun jauh dari tanah air, saya merasakan suasana sambutan Ramadhan di sini (Malaysia) lebih meriah. Saya sekeluarga tidak sabar menunggu hari tersebut. Setelah satu tahun bertungkus-lumus membanting tulang, tempoh sebulan inilah yang perlu digunakan sebaik mungkin untuk menunaikan kewajipan sebagai seorang umat Islam. Pada tahun ini, saya sekeluarga akan beraya di sini kerana tahun lalu kami telah pulang ke Surabaya, Indonesia.

Jaliah Abd. Rahim, 42, Suri rumah

Menjelang bulan Ramadhan ini, saya dan isteri bakal menyerikan kubur arwah kedua-dua ayah serta ibu dan bersedia menerima nilai-nilai murni Ramadhan Al-Mubarak dengan tulus ikhlas untuk memperbaiki diri, akhlak dan jiwa. Marwan Syed Mohamed, 40-an, Eksekutif korporat



MARWAN Syed Mohamed

TINTA PEMIMPIN

PERUTUSAN RAMADAN TIMBALAN KETUA MENTERI (1) NEGERI PULAU PINANG

Marhaban ya Syahra Ramadhan Marhaban Syahra' Shiyami Marhaban ya Syahra Ramadhan Marhaban Syahra'l Qiyami

Alamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa puji dan syukur yang tidak terhingga banyaknya kepada ALLAH yang telah memanjangkan umur kita sehingga kita dapat bertemu lagi dengan bulan Ramadhan. Ini seperti mana dalam doa yang sering kita ungkapkan: "Ya Allah berkatilah kami di bulan Rejab dan Sya'ban dan sampaikanlah kami ke bulan Ramadhan"

Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud "Sesungguhnya telah hadir bulan Ramadhan, bulan berkat, Allah telah mewajibkan ke atas kamu berpuasa, dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup rapat pintu neraka dan ditambat syaitan. Di bulan ini juga terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang tidak berusaha mendapatkan kebaikan-kebaikannya sesungguhnya dia rugi." (Hadis riwayat Ahmad dan An-nasai)

Hadith di atas merupakan satu seruan kepada kita umat Islam untuk mengejar dan merebut ganjaran daripada Allah SWT. Marilah kita memasuki Madrasah Ramadhan dengan niat yang tulus suci agar kita dapat menempuh bulan Ramadhan dengan melakukan kebaikan dan dalam masa yang sama menunaikan tanggungjawab sebagai muslim dengan sempurna. Marilah kita berazam untuk menjadikan Ramadhan kali ini jauh lebih bermakna daripada Ramadhan yang telah berlalu.

Akhir sekali marilah kita merenungi syair yang dikarang oleh Imam as-Sayuthi rahimahullahu taála dalam kitab al-Izdihar yang bermaksud:

*"Ingatlah bulan puasa akan selesai
Adakah di antara kalian yang bertaubat ketika akan berpisah
dengannya?*

*Adakah di antara kalian yang sedih kerana berpisah denganannya?
Dan menyesali kekurangan puasa dan solat malamnya?
Wahai kaum,*

*Janganlah kalian laial untuk mengeluarkan kewajiban
Keluarkanlah zakat fitrah ketika Ramadhan telah selesai
Tidaklah ianya disyariatkan melainkan untuk melebur kesiasianya*

*Tidaklah ia diwajibkan melainkan untuk membersihkan puasanya
Sungguh beruntung orang yang berzakat dan solat untuk Rabbnya
Di bulan puasa yang akan meleburkan dosanya selama setahun"*

Sekian, akhukum fillah

MANSOR HAJI OTHMAN

Timbalan Ketua Menteri (1) Negeri Pulau Pinang
Ahli Dewan Undangan Negeri N12 Penanti
<http://mansorothman.blogspot.com>

RESEPI ISTIMEWA JUADAH RAMADAN



PUDING kurma

PUDING BUAH KURMA DENGAN SOS MENTEGA
(Sticky Date Pudding with Butterscotch sauce)

BAHAN-BAHAN PUDING

Buah kurma mariami tanpa biji - 20 biji
200 ml air suam
Gula merah lembut - 100 grams
Mentega - 50 grams
Tepung gandum - 200 grams
Soda bikarbonat - 1.5 sudu teh
Esen vanilla - 1 sudu teh

Cara membuat puding :

1. Panaskan ketuhar pada suhu 180 derjah celcius
2. Hiris buah kurma dan rendam di dalam air suam, guna blender untuk buat pes
3. Pukul gula merah dan mentega sehingga lembut
4. Masukkan pes kurma dan gaul
5. Tambahkan tepung, soda bikarbonat dan esen vanilla dan Gaul rata
6. Masukkan campuran ke dalam acuan kek
7. Masukan acuan itu ke dalam satu lagi acuan yang lebih besar yang mempunyai air. Cara membakar begini dipanggil Baine Marie.
8. Masukkan ke dalam ketuhar dan bakar selama 30-40 minit sehingga masak

Sos mentega

Bahan-bahan
1 sudu besar mentega
200 ml susu sejat
100 gram gula merah
Esen vanilla

Cara membuat sos

Masak kesemua bahan dengan api kecil. Apabila sudah gula sudah cair dan bahan sudah berbau, matikan api.

Cara hidangan - Potong pudding dan hidang dengan sos mentega.



NASI beriani Ramadan

NASI BERIANI RAMADAN
(sumber : Majalah wanita Disember 1997)

Bahan-bahan :

1 kg beras
125 gm minyak sapi
50 gm bawang putih (dimayang)
50 gm bawang merah (dimayang)
30 gm halia (dimayang)
1 helai daun pandan
2 cm kulit kayu manis
4 kuntum bunga lawang
1 sudu teh serbuk jintan manis
1 sudu teh serbuk jintan putih
½ sudu teh serbuk kunyit
1 cawan susu cair
8 biji buah kurma (dibuang biji)
10 biji gajus (digoreng)


Cara :

Basuhkan beras dan toskan. Panaskan minyak dan tumis halia, kulit kayu manis, bunga lawang dan daun pandan sehingga naik baunya.

Masukkan jintan sehingga terbit minyak. Tambahkan air (iaitu kurang sedikit daripada sukatian biasa), susu cair, garam sehingga ia mendidih.

Masukkan beras, gajus dan biarkan sehingga ia masak.

Buka penutup buah kurma dan gajus.



NASIB 200 PENDUDUK KAMPUNG JALAN POKOK ASAM, JELUTONG TERUS DIBELA KERAJAAN NEGERI



GAMBAR penuh Kampung Jalan Pokok Asam, Jelutong di sini. - Gambar Hiasan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri akan terus membela nasib semua rakyat tanpa mengira kaum, agama dan jantina Pulau Pinang termasuk kira-kira 200 penduduk Kampung Jalan Pokok Asam, Jelutong yang menghadapi perintah mahkamah paksa pindah.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas untuk mengadakan perbincangan antara dua pihak membabitkan penduduk serta pemaju dan ia membawa hasil apabila pemaju bersetuju menangguhkan pelaksanaan perintah mahkamah sepanjang tiga bulan iaitu selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Selain mencari jalan penyelesaian yang menang-menang kepada kedua-dua pihak, perbincangan tersebut juga bertujuan membantu para penduduk memperoleh jumlah pampasan setimpal dan bukannya RM10,000 (selepas kalah dalam perbicaraan) yang ditawarkan pihak pemaju kini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, fakta yang perlu ditekankan berhubung isu ini adalah tanah tersebut bukan milik Kerajaan Negeri sebaliknya ia adalah milik swasta (pemaju). Kerajaan Negeri hanya mengetahui isu ini sehingga perintah mahkamah dikeluarkan pada bulan Julai 2010. Malah, kes ini adalah dari zaman Barisan Nasional (BN) lagi.

"Bukan Kerajaan Negeri yang minta para penduduk berpindah, tetapi pemaju berbuat demikian dengan adanya perintah mahkamah. Kerajaan Negeri tidak boleh mengambil apa-apa tindakan yang melanggar perintah mahkamah kerana ia akan dianggap sebagai kesalahan menghina mahkamah.

"Walaupun begitu, Kerajaan Negeri terus berusaha membantu penduduk dengan meminta pemaju

menangguhkan perintah mahkamah selama tiga bulan lagi sehingga 13 Oktober 2010. "Cooling off period" ini adalah bagi membolehkan perbincangan dijalankan," katanya di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, berhubung aspek pembangunan, Kerajaan Negeri mensyaratkan supaya semua pemaju menyelesaikan masalah setinggan secara munasabah dan setimpal terlebih dahulu sebelum ses sebuah projek dijalankan. Sekiranya pihak pemaju gagal menyelesaikan isu utama yang diwajibkan, pihak terbabit sama sekali tidak dibenarkan melakukan sebarang kemajuan. Bagaimanapun, pemaju masih ada hak untuk mengusir penduduk di kawasan-kawasan berkaitan berdasarkan perintah mahkamah.

"Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Negeri lazimnya merasakan bawaha RM10,000 yang ditawarkan oleh pemaju adalah tidak munasabah. Mereka (pemaju) kena tawar lebih!

"Sekiranya mereka (pemaju) masih berdegil, Kerajaan Negeri sama sekali tidak akan membenarkan pihak terbabit membuat pembangunan termasuk di lokasi-lokasi lain selain Jelutong," ujar beliau.

Tambahnya, sekiranya pemaju mengambil sikap agresif untuk mengusir penduduk dari lokasi tersebut, mereka (pemaju) tidak dibenarkan membina walaupun sekutu batu di tapak berkenaan. Situasi penduduk diusir keluar dan tanah dibiarkan kosong kerana larangan pembangunan tidak akan menguntungkan sesiapa.

"Apabila situasi ini terjadi, semua pihak bakal mengalami kerugian. Sebab



SUASANA dan keadaan di Kampung Jalan Pokok Asam. - Gambar Hiasan

itulah, kita (Kerajaan Negeri) cuba menolong kedua-dua pihak melalui bual bicara," jelas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng menjelaskan bahawa isu tersebut telah lama berlaku sejak di bawah pemerintahan BN sebelum ini. Apabila ia diungkit kini, Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) pula yang dipersalahkan.

"Seperti yang selalu saya nyatakan, manusia pun dia, hantu pun dia!

"Sungguhpun isu ini bermula sejak pemerintahan BN, kita tidak lari, sebaliknya, kita akan terus berdepan dan menanganinya. Kejayaan pertama adalah menangguhkan perintah mahkamah sehingga tiga bulan. Dalam tempoh ini, adakah satu keluarga penduduk yang diusir keluar sebagaimana yang dilaporkan Utusan Malaysia (UM)?", tegas Guan Eng. Mengapa tiada laporan mengenai nasib penduduk Kampung Melayu Tanjong Tokong yang juga bakal diusir di bawah pembangunan projek UDA, sebuah agensi Kerajaan Persekutuan oleh UM sebelum ini?

ISU PASIR & NIK ALI : APA KATA RAKYAT MALAYSIA

From: Vince K <vincekon@hotmail.com>
Date: 07/21/2010 12:14PM
Subject: Support to CM & State Govt.

Dear Sdr Lim Guan Eng,
Despite such tough times & oppositions, me & my immediate family are happy that you and your team are carrying out steadily the Penangites's mandate. And we fully support your efforts & hard work. CAT is working slowly but progressively. Kick out all little neopoles such as Nik Ali. Keep it up ! Don't give up we know who we will support again on the next GE.

Time to change bigger !

With best rgds, Vincent Kon, Bukit Jambul

From: "Omar Mohd.Noh" <omaremnoh@yahoo.com>
Date: 07/21/2010 04:19PM
Subject: Blog Rasmii Ketua Menteri Pulau Pinang: SDO Nik Ali.

If a fed.oficer couldn't understand simple English`SHAPE UP OR SHIP OUT', I suggest that you put to him a simpler one but in a translated version,`KEMASKINI DIRI ATAU ANGKAT KAKI'.For your info YAB I was serving `hukuman seumur hayat' in Kajang from 1980 until I was pardoned by the Sultan of Selangor on the 11th of March 2000.In other words,I came in earlier paying my dues,so I managed to come back to the community earlier. Always with you,Omar of Kajang.

From: lin yu zhi <wldlife01@yahoo.com>
Date: 07/22/2010 05:09PM
Subject: your attention

YB Lim and his team should never lose heart at the words said by the scumbag Nik. We all know the good work done by the CM and his team. I was overwhelmed by the number of complimentary comments posted in Malaysiakini and word of praise from the public in support of YB Lim. And I am sure that if you have the time to read all that is in Malaysiakini you will be touched by the messages of support. The Sun and Malaysiakini are more factual in their report unlike the others which are under the control of the political parties linked to the BN penned by Malaysiakini's reader. So continue with all your good work and most important is for all our elected representatives to work together in unity. Obstacles are bound to occur - take this as a challenge for better things to come. Have nice day..Lim

HAMZAH_24/07/2010 at 4:28 pm
kalau dgn KM umno berani ke dia keluarkan kata2 melampau sp2 biadap pada Guan Eng? KM P.Pinang memang ada sebab2 yang kukuh untuk buat teguran bukannya celupar atau dangkal fikiran. Jangan lupa Guan Eng iaitu Ketua Menteri bukan setakat pemimpin politik yg boleh dibadiapkan sewenangnya, ini bukan soal sapa nak jadi hero tapi tolong selidik sikit retenten masalah2 mengapa isu ini timbul.

ABU HAMZAH_24/07/2010 at 7:51 pm
Perfama, sebagai penjawat awam dibawah taklukan kerajaan memerintah, mestu akur dengan ketua kerajaan tempatan, contoh yang lebih besar seperti kunjungan Perdana Menteri dalam program Kedutaan Asing di Malaysia. Sudah pasti, layanan kepada perdana menteri adalah layanan pemimpin kepada negara yang memerintah yang diduduki, bukan pula

layanan seorang tetamu yang hanya datang membeli ais krim ditapak program berkenaan... Kedua, Penjawat awam sepatutnya lebih memahami susur galur pentadbiran. Memandangkan jawatan tersebut adalah jawatan dari pejabat persekutuan, tidak hairan sekiranya penjawat awam tersebut menurut perintah kerajaan Persekutuan. Namun, dia harus ingat dan sedar bahawa pentas pengaduan keparifan itu bukan miliknya. Dengan kata lain, penjawat awam perlu sedar bahawa sebarang tindakan yang diambil perlu menunjukkan bahawa dia menurut perintah, Apa yang terjadi seperti memang kesilapan pegawai tersebut. Maka, tindakannya perlu memohon maaf sekiranya tidak menerima arahan daripada kerajaan persekutuan. Sekiranya mendapat arahan untuk berbuat demikian, maka dalam itu lebih menunjukkan dia tahu bagaimana mengurus arahan...

SALEM_24/07/2010 at 10:14 pm
Kalau komen seperti ditujukan kepada ketua menteri atau mentri besar BN apa tindakan yang akan dikenakan kepada beliau? Disokong oleh KSU? Difukarkan serta merta? Dipuji dan disokong oleh pemimpin-pemimpin BN yang lain? Mendapat ruang yang luas dalam media arus perdana?

NOBISHA : Dalam hal ini, tidak ada beza antara BN dan PR. Semua penjawat awam menghadapi nasib yang sama apabila mereka bertelingkah dengan ahli politik.

ZULKIFLEE_24/07/2010 at 10:44 pm
Saya sangat bersetuju dengan pandangan tuan horizan. Penerangan tuan sangat jelas dan dapat. Tapi media2 nasional buat2 tak tahu dan cuba mengeruhkan lagi keadaan. Betul kata tuan, kala Nik Ali nak beracak seperti orang politik, eloklah letak jawatan dan jadih wakil rakyat. Sebagai penjawat awam dia perlu akur pada KM/MB. Nampaknya politik di Malaysia masih lagi tidak matang.....

ABU HASAN_25/07/2010 at 8:42 pm
Salam....isu yang dibangkitkan leh lim guan eng adah berbasas....Nik Ali seharusnya bertanggungjawab dia atas kecuaian yang merugikan duit rakyat!!!ini bukan soal bn/pakatan....pegawai pembangunan negeri (sdo) adalah di antara yg bertanggungjawab buat tugu bodoh yg membahayakan orang ramai!!!di mana kewarasan untuk menyokong nik ali?

Jason Loh Seong Wei : The CM is not victimising nik ali. *It is the other way round.* The press conferences by the CM and his DCMS made it very clear that the Penang State Government had been too long suffering already in this and many issues.

Steven Penang : what kind of farce is this ?? if the contractor who built the arches were not to be accountable for building shoddy arches, am i to understand that we the people, the tax payers, should pay them to correct it ?? Where on earth that we have such law but only in malasia "boleh" land ? Such a joke. Bring those contractor to court by all means, for crying out loud! July 19 at 7:13am

Jin Chuah : Surprisingly, sand mining activities are only happening in PR states.....why no report from other states? July 18 at 7:07am

Colin Chai : illegal sand mining is so rampant in johore and smuggled out to singapore...why napis didnt say a word? July 18 at 7:46am

Alice Pang : All out to attack PR!!! We have to be very patient and give PR more time. They have to clear so many hurdles. So united we stand for PR. July 18 at 7:40am

KETUA MENTERI - BUKAN LAWAN SEMUA PENJAWAT AWAM CUMA LAWAN "LITTLE NAPOLEAN"

GEORGE TOWN - Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa Kerajaan Negeri bukannya melawan semua penjawat awam di negeri ini, sebaliknya, hanya satu dua orang 'Little Napoleons' yang tidak menjalankan tugas dengan akauntabel dan membazirkan wang rakyat.

Kata beliau sambil mengaitkan dengan tindakan serta sikap Pegawai Pembangunan Negeri (SDO), Nik Ali Mat Yunus berhubung figura baru-baru ini, sekiranya Kerajaan Negeri boleh memberi pujian, hadiah, penghargaan dan pingat kepada penjawat awam yang mempunyai prestasi baik, mengapakah mereka tidak boleh ditegur atas sikap budaya dan etika kerja yang tidak sihat serta negatif?

"Little Napoleon bersikap membazirkan wang rakyat. Namun, bila sudah buat salah, tidak mahu jawab macam mereka ini lebih besar dari rakyat. Sedarkan bahawa rakyat yang membayar gaji mereka. Justeru, mana boleh berlagak sedemikian? Jangan sebabkan nila setitik, rosak suis sebelanga," katanya kepada SUARA CAT di sini baru-baru ini.

Guan Eng menjelaskan bahawa perkara tersebut bukannya berkait dengan isu kerusi sempena majlis Perasmian Projek Menaik Taraf Kereta Api Bukit Bendera November tahun lalu, sebaliknya, ia membabitkan tiga perkara utama yang berlaku pada tahun ini.

"Saya telahpun menfaikan saman mahkamah terhadap Utusan Malaysia tentang fitnah ini."

"Ini termasuk isu curi pasir di Balik Pulau atas tanah milik Kerajaan Persekutuan; projek-projek Kerajaan persekutuan yang dijalankan tanpa kelulusan pihak berkusa tempatan (PBT) dan pembinaan pintu gerbang Taman Botani, Pulau Pinang.

"Mengulas mengenai isu curi pasir, macam mana Kerajaan Negeri boleh dipersalahkan apabila tanah ini milikkan Kerajaan Persekutuan dan berlaku sejak 2002. Kalau anak kita sendiri tak jaga betul-betul, adakah kita berhak salahkan orang luar tak jaga anak kita."

"Berhubung pembinaan isu pintu gerbang yang condong, jumlah pembinaan adalah bernilai RM150,000 dan kos untuk merobohkannya pula adalah RM90,000. Siapa yang tanggung jumlah kos RM240,000 ini?" ujar beliau.

CUIT-CUIT KETUA MENTERI :



UMNO suka main isu saya anti Islam,

Tapi Gerakan main isu saya bukan anti Islam kerana bagi wang yang lebih kepada Islam berbanding masa Koh Tsu Koon,

Dua-dua memang pakat, Satu hentam kiri saya anti Islam,

Satu hentam kanan saya bukan anti Islam atau anti bukan Islam,

Saya hanya anti BN sahaja.

facebook <http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

twitter <http://twitter.com/cmlimguaneng>

BANTUAN 24 JAM MANGSA KEBAKARAN TAMAN CANTIK

BAGAN JERMAL - Penyaluran bantuan bencana dalam tempoh 24 jam yang menjadi salah satu dasar Kerajaan berjaya rakyat telah meringankan beban ditanggung mangsa-mangsa kebakaran di Taman Cantik, Butterworth di sini.

Salah seorang mangsa, Haniapah Abi berkata, kejadian kebakaran yang berlaku dalam sekilip mata itu telah memusnahkan segala persiapan termasuk wang tunai dan kelengkapan perkahwinan dua anaknya.

"Saya sekeluarga seolah hilang arah tujuan. Mujurlah, sejurus selepas kejadian, pihak Kerajaan Negeri sanggup tampil untuk memberi bantuan. Ini termasuk lawatan para pegawai dari Pusat Khidmat Parlimen Bagan dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Jermal.

"Bersempena dengan lawatan tersebut, saya turut menerima bantuan kewangan dan barang keperluan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Tabung Tuan yang Terutama yang disampaikan oleh pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU), badan korporat dan juga individu-individu tertentu," katanya kepada SUARA CAT di sini baru-baru ini.

Tambahnya, pada aspek

penginapan, beliau dan juga sebahagian daripada mangsa-mangsa lain telah ditempatkan di sebuah rumah yang disewa khas oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng. Sebagian mangsa-mangsa lain pula menetap di kediaman saudara-mara masing-masing," jelas Haniapah.

Sementara itu, nasib yang menimpa Haniapah dan mangsa-mangsa lain turut memperoleh perhatian daripada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng apabila beliau sendiri turun padang untuk meninjau keadaan dan menyampaikan sumbangan khas.

Turut menemani beliau ialah Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abdul Kassim; Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng dan Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

"Adalah diharapkan dengan bantuan tersebut dapat meringankan masalah yang dihadapi tiga keluarga terbabit," kata beliau.



LIM Guan Eng (lapan dari kiri) sambil ditemani Phee Boon Poh (tujuh dari kiri), Lim Hock Seng (tujuh dari kanan) dan Abdul Malik Abdul Kassim (lapan dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa kebakaran Taman Cantik, Butterworth di sini baru-baru ini.

GERAKAN KOPERASI JANA EKONOMI NEGARA

GEORGE TOWN - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mansor Othman menyertu semua pihak supaya

tidak melepaskan peluang untuk menyertai pertubuhan koperasi demi manfaat masa depan

sendiri dan juga negara.

Di dalam ucapannya, Mansor menyatakan bahawa gerakan koperasi memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi negara luar seperti Jepun, Korea, Perancis, Jerman dan sebagainya. Malah, terdapat juga negara yang mana koperasi mengawal harga barang di dalam negara-negara bekenaan.

"Justeru, saya menyertu supaya semua pihak dapat berganding bahu bagi memastikan gerakan koperasi di negeri Pulau Pinang terus relevan dan mendapat sambutan daripada rakyat. Pada masa sama, saya turut berharap hasil pengajuran karnival ini juga bakal menjadi perintis kepada koperasi-koperasi di negeri Pulau Pinang untuk menjalankan kerjasama dua hala antara rakan-rakan niaga yang mengambil bahagian," katanya pada Karnival Koperasi Pulau Pinang di Tapak Ekspo Seberang Jaya baru-

baru-baru ini.

Karival yang berjaya menghimpunkan kira-kira 100 koperasi dari seluruh negeri Pulau Pinang tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato Seri (Dr.) Abdul Rahman Abbas.

Sementara itu, di majlis berlainan, setelah bertahan lamanya, masalah air kotor membabitkan 13 buah kediaman di Kampung Tok Elong, Penanti akhirnya sampai ke penghujung.

Mansor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti mengucapkan sekulung penghargaan kepada pihak Perbadanan Bekalan Air (PBA) yang bertindak pantas dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

Seorang penduduk kampung yang tidak ingin dikenali berkata, walaupun baru lima bulan Mansor dilantik sebagai ADUN Penanti, keprihatinannya beliau berjaya menyelesaikan masalah asas penduduk di dalam tempoh masa singkat.



MANSOR Othman (dua dari kanan) sambil ditemani Pengurus Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang (tengah) melihat hasil jualan salah sebuah gerai yang mengambil bahagian di Karnival Koperasi Pulau Pinang di Tapak Ekspo Seberang Jaya baru-baru ini.



MANSOR Othman (dua dari kanan) menunjukkan kualiti air bersih kepada salah seorang penduduk Kampung Tok Elong, Penanti di sini baru-baru ini.



SALEH MAN (tiga dari kanan) menyampaikan bantuan biasiswa kepada salah seorang bapa pelajar di majlis Penyampaian Bantuan Biasiswa Pelajar Luar Negara di sini baru-baru ini di sini.

Sumbangkan Ilmu Kepakaran Di Tanahair

SEBERANG JAYA - Mahasiswa dan mahasiswa yang menerima bantuan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara digesa supaya pulang menyumbangkan ilmu kepakaran yang ditimba di tanahair sendiri.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (Maipp), Ustaz Saleh Man berkata, seruan tersebut adalah seiring dengan matlamat Ketua Menteri Pulau Pinang yang ingin merencanakan pemerintahan mengikut Khalifah Umar Abdul Aziz.

"Bukan senang bagi mencapai matlamat pemerintahan Umar Abdul Aziz, sebaliknya ia memerlukan kepakaran di dalam penguasaan ilmu masing-masing dan yang paling penting adalah melaksanakan amanat diberikan dengan cemerlang tanpa ada unsur-unsur rasuah."

"Maipp menanti kepulangan pelajar kita

dengan penuh harapan supaya mereka menjadi insan yang berguna pada masyarakat dan negara. Biar mereka pulang membawa ilmu yang boleh memperkayakan negeri serta dapat mencordakan remaja masa kini," katanya pada majlis Penyampaian Bantuan Biasiswa Pelajar Luar Negara di sini baru-baru ini.

Seramai 166 anak jati negeri Pulau Pinang yang menutut di beberapa buah universiti seperti di Al-Azhar, Jordan, Indonesia, Rusia dan Morocco telah menerima bantuan biasiswa yang keseluruhannya berjumlah RM887,000.

Kadar bantuan yang diberikan adalah mengikut kesesuaian pembelajaran, pengambilan baru dan juga tambang pulang kepada para pelajar yang telah berjaya menamatkan pembelajaran di universiti-universiti berkenaan.



KEJOHANAN FUTSAL PADANG ANJURAN JKKN BAKAU TUA DENGAN KERJASAMA PUSAT KHIDMAT KADUN PENAGA

PENAGA - Pengajuran julung kali Kejohanan Futsal Padang di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga memperlihatkan sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan membabitkan 25 pasukan muda-mudi di sini.

Kedua-dua cuaca yang panas terik tidak sama sekali menghalang para penduduk Penaga berhimpun untuk mengeratkan ikatan silaturahim di Padang Awam Pasir Gebu sejak perlawanan dimulakan pada pukul 9 pagi dan hanya tamat tujuh jam kemudian.

Dalam pada itu, majlis turut dimeriahkan dengan kesedian



MANSOR Othman (dua dari kanan) menyampaikan cendermata kepada Rosidi Hussain (tiga dari kiri).



MANSOR Othman (bertopi, dua dari kanan) bersalaman dengan para penduduk kampung sambil diperhatikan Rosidi Hussain (kanan sekali) sempena Kejohanan Futsal Padang anjuran JKKN Bakau Tua dengan kerjasama Pusat Khidmat Kadun Penaga di Padang Awam Pasir Gebu, Penaga baru-baru ini.

generasi muda.

Pengerusi JKKN Bakau Tua, Johari Zakaria berkata, ekoran sambutan menggalakkan, pihaknya bercadang menjadikan kejohanan tersebut sebagai acara tahunan bagi KADUN Penaga.

"Selain mengeratkan ikatan silaturahim sesama penduduk, kejohanan ini juga mampu mengasah bakat-bakat muda di dalam sukan futsal. Pada masa sama, ia juga mampu membentuk pembabitan gejala sosial yang tidak sihat dalam kalangan muda-mudi," katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, hasil kegigihan pasukan Mesra FC telah melayakkan pasukan terbabit marangkul gelaran juara. Naib johan dimenangi oleh JKKN Laha Kepar FC; tempata ketiga, Sementara Aman FC dan tempat keempat, Bertam FC.

pakcik sudah tidak mampu berdiri dan berjalan seperti dahulu.

"Sebelum ini pun, memang pakcik sudah tidak boleh bergerak walaupun menghidap sakit tua. Tapi, bila dah lumpuh, langsung tak dapat berbuat apa-apa. Segala keperluan pakcik, makcik yang uruskan," luah Yusof kepada SUARA CAT di sini baru-baru ini.

Yusof menambah, walaupun di dalam keadaan sedemikian, beliau bersyukur kerana isterinya masih setia dan tidak jemu untuk menjaganya.

"Tambahan pula, anak-anak sentiasa datang menjenguk dan bertanyakan khabar walaupun mereka sudah mempunyai keluarga dan tinggal bersangan."

"Dengan sumbangan hari ini, saya berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Berhormat (YB) yang telah mengembalikan 'kehidupan' saya," ujarnya sambil tersenyum.



MANSOR Othman (kiri sekali) dan Abdul Halim (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada Mariam (tengah) di sini baru-baru ini.



PARA peserta menunjukkan kehebatan masing-masing bagi merebut gelaran juara.

Majlis penyampaian hadiah berupa wang tunai dan medal telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan



LIM Guan Eng (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kejohanan Futsal Padang.

NASIB DUA WARGA EMAS DIBELA

TELUK BAHANG - Sifat keprihatinan Kerajaan Pakatan Rakyat tanpa mengira latar belakang dan etnik telah berjaya menyentuh erti keceriaan kepada dua warga emas yang selama ini hidup di dalam keadaan serba kekurangan di sini baru-baru ini.

Hasil inisiatif Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang, Mohd. Shawal Ahmed dan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Bahang, Mohd. Amin Nordin, dua buah kerusi roda hasil sumbangan Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang telah disumbangkan kepada kedua-dua warga emas berkenaan.

